

07/09/1998

Polis disaran tingkat ilmu perangi jenayah siber

Fazallah Pit

KEPESATAN pembangunan bukan saja memberi membawa perubahan kepada sosio budaya masyarakat tetapi turut mengubah corak jenayah. Jika dahulu anggota polis menghadapi masalah mengawal jenayah seperti bunuh, rompakan dan rogol, tetapi kini polis juga terpaksa berdepan dengan jenayah siber.

Sejajar dengan kepesatan Teknologi Maklumat, Polis Diraja Malaysia (PDRM) sebagai sebuah pasukan keselamatan tidak mahu ketinggalan mengikut arus perkembangan bagi mengawal dan membendung jenayah siber.

Ini kerana jenayah itu kompleks dan pelakunya lebih sukar dikesan berbanding jenayah biasa jika kepakaran dalam bidang berkenaan tidak dikuasai sebaiknya.

Jika sikap ingin bersaing dalam arus teknologi moden tidak dipupuk di kalangan anggota dan pegawai polis dengan berkesan, negara akan mudah terdedah kepada anasir negatif yang boleh mencalarkan maruah negara.

Sikap itu harus dipupuk selaras dengan kehendak Perdana Menteri selaku Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang disampaikan melalui Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajol Rosli Ghazali, baru-baru ini.

Ringkasnya, beliau mahukan setiap anggota dan pegawai polis memperdalam teknologi maklumat dan bersedia menghadapi jenayah siber yang kian menular kebelakangan ini.

Ketua Polis Kuala Lumpur, Datuk Kamaruddin Md Ali, berkata secara tidak langsung polis akan dirintangi pelbagai cabaran yang hanya dapat ditangani melalui kecekapan berteraskan pengetahuan komputer.

Justeru, katanya beliau menyeru semua anggota polis terutama di Kuala Lumpur mempertingkatkan pengetahuan berasaskan teknologi komputer iaitu teknologi maklumat.

"Setiap anggota dan pegawai seharusnya menyahut cabaran itu walaupun memerlukan sedikit pengorbanan," katanya baru-baru ini.

Kamaruddin berkata, anggota dan pegawai PDRM sewajarnya mengikuti kelas pengajian komputer sama ada kerajaan ataupun swasta yang ada menawarkan kursus komputer.

Bagi memudahkan proses pembelajaran itu, IPPKL menyediakan sebuah kelas komputer yang dikendalikan kelab polis Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPPK) dengan kadar bayaran berpatutan.

"Anggota dan pegawai polis tidak seharusnya memandang pembelajaran itu sebagai suatu pembaziran kerana ia dapat mempertingkatkan tahap kepelbagaian sesorang anggota atau pegawai."

"Mereka seharusnya mempergunakan sepenuh kemudahan dan peralatan komputer di IPPKL sebagai satu asas dalam pembelajaran berasaskan teknologi maklumat," katanya.

(END)